



Majlis Pemasyhuran

**PERPUSTAKAAN TUANKU
SYED FAIZUDDIN PUTRA**
Universiti Malaysia Perlis
2 September 2012

<http://mylibrary.unimap.edu.my>




***A great library contains the diary of the human race
- George Mercer Dawson -***

***Libraries are not made, they grow
- Augustine Birrel -***



Majlis Pemasyhuran
Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra

2 September 2012
Kampus Pauh Putra, UniMAP





**DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**
D.K, S.P.M.P., P.A. T, Doctor of Education (Honoris Causa)
La Trobe University Melbourne, Australia

**DYTM RAJA MUDA PERLIS
CANSELOR UniMAP**



DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH
S.P.M.P Honoris Causa in Health Sciences
(Universidad Nacional Pedro Henriquez Urena, RD)

DYTM RAJA PUAN MUDA PERLIS
PRO CANSOLOR UniMAP

TITAH PERUTUSAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah (S.W.T) kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul bersama pada Majlis Pemasyhuran Bangunan Perpustakaan Utama UniMAP di Kampus Pauh Putra.

Beta bersyukur dengan izinNya, Perpustakaan ini akan dimasyhurkan dan akan terus dikenali dengan nama Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Beta sebenarnya amat terharu dengan penghargaan UniMAP untuk merakamkan nama Beta pada bangunan Perpustakaan Utama yang melambangkan mercu tanda keilmuan di sebuah institusi pengajian tinggi. Namun, Beta juga melihat pemasyhuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra menuntut komitmen berterusan untuk memelihara imej dan reputasi serta membawa perpustakaan ini ke mercu kecemerlangan. Beta menaruh harapan yang tinggi agar Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra yang menawarkan kemudahan moden, terkini dengan kecanggihan media penyampaian maklumat akan dimanfaatkan secara optima oleh warga UniMAP. Malahan, mercu tanda ilmu ini juga perlu memainkan peranan aktif untuk meningkatkan minat serta kecenderungan kepada penerokaan ilmu bukan sahaja dalam kalangan warga UniMAP, malahan rakyat Negeri Perlis tercinta. Saya berkeyakinan bahawa Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra berupaya memberi nilai tambah perkhidmatan maklumat terutama melalui maklumat ilmiah yang pelbagai serta berkualiti, kecanggihan teknologi dan gadget terkini.

Perpustakaan ini juga digalakkan menganjurkan lebih banyak program melibatkan masyarakat umum terutama para pelajar sekolah di peringkat rendah dan menengah. Inisiatif seumpamanya bakal meningkatkan kesedaran, minat serta motivasi para pelajar untuk memasuki institusi pengajian tinggi. Kaedah *showcase* yang tepat dan berkesan amat penting bagi Perpustakaan ini terutama untuk mencerminkan sejarah, pencapaian dan hala tuju UniMAP, sebuah Universiti berdaya saing. Saya juga berkeyakinan, sebuah perpustakaan akademik yang hebat akan memberi imej berkualiti kepada sesebuah organisasi. Sehubungan itu, bagi menyokong hasrat UniMAP untuk berada dalam kelompok 500 universiti terbaik dunia, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra akan memainkan peranan penting dalam aspek pengantarabangsaan.

Akhir kalam, Beta merakamkan ucapan tahniah yang tidak terhingga di atas penganjuran Majlis Pemasyhuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Beta juga ingin merakamkan ucapan penghargaan di atas pemasyhuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra yang bakal dimanfaatkan oleh para pengguna generasi kini dan masa hadapan.

Sekian, wassalam.



DTYM Tuanku Syed
Faizuddin Putra Ibn
Tuanku Syed Sirajuddin
Jamalullail
Chancellor Universiti Malaysia
Perlis

KATA-KATA ALUAN YBHG Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran ke hadhrat Allah (S.W.T) di atas KurniaNya untuk kita menganjurkan Majlis Pemasyhuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra.

Majlis bersejarah ini merupakan satu lagi rakaman pencapaian Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk mencapai kecemerlangan dan daya saing institusi pengajian tinggi di negara ini. Penyediaan prasarana maklumat yang kondusif dengan pelbagai nilai tambah untuk manfaat pengguna semestinya menjadi indikator penting kepada bakal pelajar UniMAP pada masa hadapan. Bagi warga UniMAP, ini merupakan satu pemantapan perkhidmatan perpustakaan yang sudah pasti akan menyediakan jaminan akses kepada maklumat ilmiah yang relevan, terkini dan berkualiti. Bangunan Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra juga sudah tentu menjadi destinasi tumpuan para pelajar, penyidik dan staf akademik Universiti. Sudah pasti, ruang fizikal yang kondusif mesti dipadankan dengan perkhidmatan kreatif, inovatif dan mesra pelanggan yang berupaya meningkatkan imej Universiti. Bagi para pelajar yang menghargai ilmu dan sentiasa dahagakan ilmu, Perpustakaan akan sentiasa menjadi ikon yang menyimpan pelbagai kenangan manis selepas mereka bergraduat dari Universiti Malaysia Perlis.

Akhir sekali saya merasa bangga kerana Perpustakaan yang menjadi lambang ilmu dimasyhurkan dengan nama Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Canselor UniMAP yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan kejayaan universiti ini.

Sekian, terima kasih

Selamat maju jaya!



**YBhg Dato' Prof. Emeritus Ir
Dr. Zainal Mohamed**
*Pengerusi, Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Perlis*

KATA-KATA ALUAN YBHG NAIB CANSOLOR UniMAP

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam 1 Malaysia



**YBhg Brig. Jen. Dato' Prof.
Dr. Kamarudin Hussin**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis

Bersyukur saya ke hadhrat Allah (S.W.T) kerana dengan limpah kurniaNya, kita diberi rahmat dan kesejahteraan untuk menyempurnakan Majlis Pemasyhuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra di Kampus Tetap UniMAP, Pauh Putra. Sesungguhnya, hari ini akan termaktub di dalam memori korporat UniMAP sebagai salah satu majlis bersejarah di Universiti ini. Perpustakaan yang siap dibina pada September 2011 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 7 Februari 2012 kini akan dimasyhurkan dengan nama tokoh DiRaja yang menjadi kebanggaan rakyat Negeri Perlis. Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra merupakan sebuah perpustakaan yang direka khusus untuk memenuhi keperluan warga UniMAP terutamanya golongan pelajar dari Generasi Y. Sebahagian besar ruang direkabentuk untuk memenuhi keperluan pembelajaran secara kolaboratif, menggalakkan komunikasi dan meluaskan rangkaian antara pengguna. Mengutamakan pembangunan koleksi ilmiah untuk memenuhi keperluan pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan perundingan di UniMAP, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra akan meluaskan peranan untuk menggalakkan penerokaan ilmu dalam kalangan rakyat Negeri Perlis. Saya juga menaruh keyakinan bahawa semegah namanya, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra akan terus komited untuk menawarkan perkhidmatan berkualiti yang melambangkan peranannya sebagai mercu tanda ilmu.

Akhir kata, semoga Majlis Pemasyhuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra akan dirahmati Allah dan mendapat manfaat serta kebaikan.

Sekian, terima kasih.

KATA-KATA ALUAN KETUA PUSTAKAWAN UniMAP

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah (S.W.T) kerana dengan keizinanNya jua, Majlis Pemasyhuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra dapat berlangsung pada hari ini dengan disaksikan oleh para tetamu jemputan dan warga UniMAP.

Bagi warga Perpustakaan UniMAP, tiada kata-kata yang dapat menggambarkan rasa kesyukuran dan kegembiraan menyambut hari Pemasyhuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Semegah namanya, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra akan terus meningkatkan kecemerlangan menawarkan perkhidmatan maklumat berkualiti, malahan menjangkau ekspektasi para pelanggan kami. Saya dan warga Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra menaruh keyakinan bahawa Perpustakaan ini akan menjadi satu tarikan penting kepada para pelajar dan bakal pelajar UniMAP. Kami juga berkeyakinan penuh Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra akan sentiasa menyuntik semangat dan idea ke arah menempatkan Perpustakaan ini sebagai mercu tanda ilmu yang gemilang dan memberi impak kepada pembangunan akademik, penyelidikan dan ketamadunan bangsa.

Akhir sekali, saya dan warga Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra merakamkan setinggi penghargaan di atas sokongan semua pihak dalam merancang dan menjayakan majlis yang sungguh bersejarah.

Sekian, terima kasih.



*Puan Mazmin Mat Akhir
Pustakawan Kanan
Menanggung Tugas Ketua
Pustakawan
Universiti Malaysia Perlis*

ATURCARA MAJLIS PEMASYHURAN PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA

ATUR CARA

8.00 mlm	:	Ketibaan Jemputan
8.15 mlm	:	Ketibaan Y.Bhg Naib Canselor UniMAP & Isteri
8.20 mlm	:	Ketibaan Y.Bhg Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP & Isteri
8.25 mlm	:	Ketibaan Dif- dif Kehormat
8.35 mlm	:	Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis & Isteri
8.45 mlm	:	Keberangkatan Tiba DYTM Canselor & DYTM Pro Canselor UniMAP Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda & WAWASANKU Tayangan Multimedia Ucapan Aluan Y.Bhg. Naib Canselor UniMAP Titah Ucapan Perasmian DYTM Tuanku Canselor UniMAP Gimik Perasmian Persembahan Cenderahati Bacaan Doa Lagu Sedekad Gemilang Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda Lawatan ke Galeri <i>Nobel Laureates</i> dan <i>Tunnel Gallery</i> Perasmian Radio UniMAP FM Jamuan Ringan
10.30 mlm	:	Keberangkatan Balik DYTM Tuanku Canselor & DYTM Tuanku Pro Canselor UniMAP YAB Menteri Besar & Isteri meninggalkan majlis Majlis Bersurai *Pakaian Batik

Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis ditubuhkan selaras dengan penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia atau singkatannya KUKUM pada April 2002. Ia bermula dengan sebuah ruang tinggalan pasaraya *Looking Good* di Blok Podium, Bangunan KWSP di Kangar, Perlis. Ia tidak menjadi halangan kepada Ketua Pustakawan, Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasruddin untuk membangunkan sebuah perpustakaan akademik di Perlis. Beliau bersama beberapa orang staf terawal di perpustakaan bertungkus lumus untuk memastikan Perpustakaan KUKUM beroperasi dengan baik pada Julai 2002 sempena pengambilan pelajar. Berkat ketekunan dan kesabaran beliau, Perpustakaan KUKUM berjaya dibuka untuk kunjungan para pelajar pada tahun berkenaan. Detik bersejarah ini merupakan langkah pertama perpustakaan KUKUM untuk terus meluaskan kemudahan, perkhidmatan dan memantapkan koleksi perpustakaan bagi memenuhi keperluan maklumat warga pengguna.

Pada tahun 2007, ruang tambahan di aras 1, Blok Podium berjaya diperolehi bagi membolehkan perpustakaan menambah kapasiti ruang bacaan untuk pengguna. Bersesuaian dengan keperluan dan piawaian perpustakaan akademik, ruang berkenaan diubahsuai menjadi ruang capaian Internet. Lapan unit komputer ditempatkan di ruang tersebut selain menempatkan ruang tayangan ASTRO, ruang bacaan, ruang media dan beberapa unit pemprosesan teknikal.

Kepada para pelajar terawal UniMAP, ruang tersebut meninggalkan kenangan sebagai destinasi harian untuk mendapatkan bahan bacaan dan menelaah sepanjang berada di kampus. Sebahagian daripada mereka kini telah berkhidmat sebagai staf akademik di Universiti Malaysia Perlis.

Pada tahun 2008, kekangan ruang menagih perpustakaan mengoptimalkan ruang sedia ada untuk kemudahan pengguna. Keseluruhan ruang di aras 2 kemudiannya diubahsuai menjadi ruang khusus pengguna meliputi penempatan karek berwayar, makmal komputer, ruang bacaan dan ruang santai untuk pembelajaran secara kolaboratif. Kaunter perkhidmatan dinaiktaraf untuk menjadikan Perpustakaan UniMAP lebih mesra pengguna dan berupaya menyalurkan perkhidmatan secara berkesan. Ruang pentadbiran pula dipusatkan di aras 1 dengan semua kerja-kerja pemprosesan dan teknikal dilaksanakan di kawasan yang ditentukan.

Pada tahun berikutnya, perpustakaan berjaya mendapatkan tambahan ruang di aras sama. Sementara menantikan bangunan Perpustakaan Utama di Pauh Putra siap dibina, Puan Hajah Foyziah mengambil pendekatan agar ruang kecil ini mengenakan konsep “semua ada”. Tambahan ruang ini dijadikan asas penting kepada perpustakaan untuk membangunkan ruang pembelajaran berkonsepkan *learning commons*.

Warna hijau epal melambangkan rona alam digunakan sebagai tema latar ruang berkenaan.

Kemudahan pembelajaran secara kolaboratif, ruang santai dan ruang capaian Internet telah menarik minat para pelajar ke perpustakaan. Pelancaran ruang berkenaan telah disempurnakan oleh YBhg Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin pada 23 Jun 2009. Pada tahun sama, Puan Hajjah Foyziah Ahmad Nasruddin telah bersara dan meninggalkan hasil kerja tangan beliau untuk dimanfaatkan oleh warga UniMAP.

SUMBER ELEKTRONIK

Seawal tahun 2003, Perpustakaan UniMAP telah mula melanggan kepada pangkalan data atas talian dalam bidang kejuruteraan yang merupakan bidang tujahan universiti. Pangkalan data terawal yang dilanggan meliputi *IEEE Explore* oleh *Institute of Electrical and Electronic Engineering* dan *EngNETBase* oleh *CRC Press*. Pangkalan data atas talian yang terangkum di dalam sumber elektronik kini menjadi sumber maklumat ilmiah penting yang disalurkan kepada warga UniMAP dalam persekitaran kampus teragih.

Perolehan kepada sumber elektronik tidak terhad kepada jurnal dan buku elektronik sahaja. Semenjak tahun 2007, pangkalan data dan alatan elektronik untuk menyokong aktiviti

pengajaran-pembelajaran seperti *EndNote*, *Turnitin*, *Scopus*, *Journal Citation Reports (JCR)*, *Whitesmoke* dan sebagainya mula diperolehi. Perolehan ini berasaskan kepercayaan bahawa perpustakaan mempunyai peranan penting dalam memenuhi keperluan maklumat yang pelbagai dalam ruang lingkup pembelajaran-pengajaran, penyelidikan dan perundingan di UniMAP.

Perkembangan masa menyaksikan Perpustakaan UniMAP sentiasa melaksanakan inisiatif meningkatkan kualiti akses kepada sumber maklumat ilmiah. Hasrat ini direalisasikan melalui bantuan alatan penting seperti perisian pelayan *EZProxy* yang menghubungkan pengguna jarak jauh kepada sumber pangkalan data langganan perpustakaan.

Semenjak tahun 2006, kemudahan ini dimanfaatkan oleh warga UniMAP terutama komuniti staf akademik yang menyambung pengajian di luar negara.

Pada tahun 2011, Perpustakaan UniMAP muncul sebagai perpustakaan akademik pertama di Malaysia yang menggunakan kemudahan enjin pencari *Worldcat Local*. Melalui alatan ini, pengguna perpustakaan UniMAP dihubungkan kepada sumber maklumat ilmiah global secara berkesan. Melalui satu kata punca dan satu klik,

sistem yang bercirikan konsep *single search* kini menyediakan kemudahan carian dan dapatan maklumat dengan pantas.

Pengalaman positif dan keterujaan melihat sumber elektronik dimanfaatkan oleh warga Perpustakaan UniMAP ternyata memberi suntikan motivasi baru. Warga perpustakaan tidak pernah berhenti mencari amalan terbaik pengurusan dan penawaran sumber elektronik untuk diterapkan dalam organisasi ini. Kecenderungan Perpustakaan UniMAP terhadap sumber elektronik telah membawa kepada penerbitan buku Pengurusan dan Penawaran Sumber Elektronik oleh Puan Hajah Foyziah Ahmada Nasuruddin dan Puan Mazmin Mat Akhir pada tahun 2009.

Pada tahun 2010, Perpustakaan UniMAP telah memulakan inisiatif penganjuran Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia. Melalui penganjuran seminar ini, Perpustakaan UniMAP telah melebarkan jaringan dan rangkaian kerja sama dengan profesional maklumat di Korea *Research and Information Services (KRIS)*, *Deakin University, Australia*, *Victoria State Library* dan *Association of Research Libraries (ARL)* di Amerika Syarikat. Inisiatif ini juga telah menyediakan platform penting kepada profesional maklumat di Malaysia untuk berkongsi maklumat mengenai amalan terbaik dalam aspek pengurusan dan penawaran sumber elektronik bagi manfaat pengguna.

Apa yang lebih penting, Perpustakaan UniMAP ingin menyumbang kepada kesedaran mengenai isu, cabaran dan peluang berkaitan sumber elektronik yang perlu difahami dan ditangani secara berkesan oleh perpustakaan dan profesional maklumat di negara ini.

KOLEKSI ILMIAH UNIMAP

UniMAP tidak pernah meminggirkan pembangunan koleksi ilmiah dalam format bercetak. Sebahagian besar dana tahunan diperuntukkan saban tahun untuk meningkatkan bilangan naskah bahan monograf bercetak di Perpustakaan. Sehingga tahun 2011, perpustakaan menawarkan capaian kepada 43,000 naskah bahan bercetak yang ditempatkan dalam pelbagai jenis koleksi.

Perpustakaan menyedari bahawa koleksi bercetak masih menjadi tumpuan para pengguna dan pembaca. Semenjak tahun 2003, jumlah bilangan sirkulasi asas telah mencapai 203, 657 transaksi. Aliran jumlah transaksi juga menunjukkan peningkatan tahap penggunaan bahan bercetak selaras dengan pertambahan bilangan staf dan pelajar di UniMAP.

Selain itu, industri e-buku juga sehingga kini belum berupaya menyediakan capaian kepada buku teks utama yang digunakan sebagai rujukan kursus. Judul-judul berkenaan masih dikekalkan dalam penerbitan bercetak. Perpustakaan UniMAP juga terus memantapkan kandungan Koleksi Rujukan Kursus untuk

manfaat para pelajar peringkat diploma dan ijazah pertama.

Keupayaan mendapatkan bahan dengan kadar segera melalui pembekal buku atas talian telah membawa kepada perolehan *ebooks reading device* pada tahun 2012. Lapan unit *kindle fire* kini boleh dimanfaatkan sebagai sebahagian daripada koleksi, kemudahan dan perkhidmatan kandungan bahan multimedia di Perpustakaan UniMAP.

Capaian kepada bahan bercetak di Perpustakaan Utama kini disemarakkan melalui enjin pencari *Worldcat Local*. *Worldcat Local* menyediakan integrasi capaian kepada maklumat bahan bercetak dan elektronik melalui satu platform yang mesra pengguna. Selain itu, *Worldcat Local* juga menghubungkan pengguna perpustakaan dengan buku bercetak yang diterbitkan di seluruh dunia melalui konsortium ahli *Online Computer Library Center (OCLC)*.

MEMPERKENALKAN PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA

Tahun 2011 merupakan tahun bersejarah kepada UniMAP dengan berdirinya bangunan Perpustakaan Utama di Kampus Pauh Putra. Bercirikan konsep futuristik, elemen paling menarik ialah pembinaan *spiral ramp* yang menjadi laluan alternatif pengguna. *Spiral ramp* ini melengkapkan konsep penerokaan ilmu yang ingin diterapkan dalam kalangan warga UniMAP.

Konsep alam menjadi agenda penting dalam merona bangunan Perpustakaan Utama UniMAP. Hamparan tona warna lautan, rona hijau laman dan langit biru kini tersergam di tiga aras bangunan kebanggaan ini. Konsep ini juga seterusnya mengilhamkan reka bentuk peralatan, perabot serta hiasan yang kini ditawarkan sebagai kemudahan perpustakaan.

Tanpa aturan dan rencana pihak perunding dalaman, hiasan dalaman dan konsep alam merupakan hasil kreativiti serta semangat kerja berpasukan dalam kalangan warga Perpustakaan. Tempoh masa menunggu kehadiran bangunan Perpustakaan Utama UniMAP untuk siap dibina semenjak tahun 2002 menjadikan warga perpustakaan sarat dengan ide kreatif dan inovatif.

Perpustakaan Utama ini juga lahir dari pelbagai aktiviti penanda aras yang dijalankan semenjak Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin menjawat jawatan Ketua Pustakawan. Ciri-ciri futuristik yang disaksikan di perpustakaan akademik di *United Kingdom, Australia, New Zealand* dan *Korea* menjadi input penting kepada pembangunan perpustakaan ini. Semua ini hanya terlaksana apabila pengurusan universiti terutama YBhg Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP meletakkan keyakinan terhadap kepentingan perpustakaan sebagai lambang keilmuan di institusi pengajian tinggi ini.

Bangunan perpustakaan sebagai mercu tanda ilmu UniMAP dan Negeri Perlis Indera Kayangan kini berdiri megah di tengah Kampus Pauh Putra. Ia kini menjadi destinasi kunjungan para staf dan pelajar UniMAP untuk pelbagai aktiviti. Semenjak mula beroperasi, Perpustakaan Utama telah menjadi tuan rumah kepada pelbagai acara universiti.

Ruang pembelajaran secara kolaboratif menjadi intipati reka bentuk Perpustakaan Utama. Setiap ruang belajar dan menelaah menggalakkan aktiviti diskusi dan komunikasi antara pengguna. Zon bising umpamanya, ditempatkan secara strategik pada aras 2 berhampiran Makmal *Infoaccess* untuk menyediakan persekitaran kondusif kepada para pengguna belajar secara berkumpulan, mendapatkan bahan bacaan ringan, menggunakan kemudahan komputer rangkaian serta memanfaatkan komputer riba untuk penyediaan tugas ilmiah.

Bilik diskusi menawarkan kemudahan komputer dengan skrin lebar untuk membolehkan para pengguna berkongsi fail lembut. Ia juga selesa kepada pengguna berkumpulan untuk merujuk kepada laman Internet. Konsep yang sama digunakan untuk membangunkan pod pembelajaran dan karel berkumpul dalam set-up persekitaran terbuka.

Aplikasi teknologi pembelajaran juga merupakan tema penting kepada reka bentuk Perpustakaan Utama, Pauh Putra.

Kemudahan karel berwayar, sofa laptop dan zon laptop memenuhi keperluan generasi muda dan penyelidik yang menggunakan alatan berkenaan dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Mesin pinjaman secara layan diri, pemulangan buku melalui *book-drop* yang dilengkapi dengan *conveyer belt*, perisian tempahan komputer dan cetakan rangkaian merupakan antara sistem serta aplikasi penting di Perpustakaan Utama UniMAP. Teknologi ini kini dimanfaatkan oleh para pengguna Perpustakaan Utama.

Berasaskan hasrat untuk menjadikan Perpustakaan UniMAP sebagai pusat pertemuan warga UniMAP, ia turut dilengkapi dengan kemudahan bilik mesyuarat, ruang auditorium, Academic Lounge, Postgraduate Lounge, galeri, ruang santai dan kafetaria. Perpustakaan ini direkabentuk agar warga UniMAP tidak mempunyai alasan untuk tidak mengunjungi perpustakaan.

Perpustakaan ini juga menerapkan keinginan meneroka dengan menjadikan setiap ruang yang dilalui berharga kepada para pengguna. Keindahan alam negeri Perlis Indera Kayangan menjadi ilham latar kepada setiap ruang di perpustakaan. Kami ingin menjadikan setiap ruang dan kemudahan yang ditawarkan amat berharga kepada pengguna dan menjadi kenangan manis kepada setiap pengunjung. Memiliki bangunan perpustakaan baru

memberi manfaat kepada UniMAP untuk merancang pelbagai pembaharuan bersesuaian dengan keperluan pengguna masa kini. Pada masa hadapan, Perpustakaan Utama akan melebarkan perkhidmatan serta kemudahannya kepada kumpulan sasaran selaras dengan iltizam untuk menyokong matlamat Perlis Negeri Ilmu dan Perlis Maju 2015.



Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra

Kunjungi juga:

- *Laman Web Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis*
<http://mylibrary.unimap.edu.my>
- *Laman Blog Perpustakaan UniMAP*
<http://thelibraryunimap.blogspot.com/>
- *Laman Facebook Perpustakaan UniMAP*
<http://www.facebook.com/pages/Perpustakaan-Universiti-Malaysia-Perlis-UniMAP/237120573018381>





DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail

Universiti Malaysia Perlis merasa berbangga dengan kurnia perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizudin Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail untuk merakamkan dan memasyhurkan Perpustakaan Utama dengan nama Baginda dan kini dikenali sebagai Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Pilihan nama Baginda Tuanku DYTM Raja Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP merupakan lambang penghargaan yang tidak ternilai di atas iltizam dan kurnia bakti yang tidak terhingga untuk memartabatkan Universiti Malaysia Perlis di persada dunia. DYTM Tuanku Canselor telah memanfaatkan seluruh jaringan industri dan akademik beliau untuk memperkenalkan UniMAP ke seluruh dunia. Seterusnya menyerlahkan hasrat UniMAP untuk mencapai matlamat keterlihatan antarabangsa yang menyerlah.

DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

“Sebagai Canselor, saya akan terus memberikan dorongan dan bimbingan agar UniMAP terus gemilang dan tersohor, sebagai sebuah universiti berfokus yang kreatif dan inovatif, cemerlang dan berintegriti.”

*DYTM Tuanku Canselor,
18 September 2011*

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra merupakan Raja Muda Perlis yang telah dilantik menjadi Canselor Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada September 2003. Sebagai Pemangku Raja Perlis pada masa tersebut, Baginda telah menyatakan rasa bangga dengan perlantikan sebagai Canselor KUKUM. Dalam titah ucapan perlantikan, Baginda telah menyatakan komitmen untuk memperkukuhkan kedudukan KUKUM dalam kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat nasional dan antarabangsa (4 November 2003). Baginda kemudiannya telah dilantik semula sebagai Canselor Universiti Malaysia Perlis berkuatkuasa pada 13 Disember 2011 sehingga Disember 2016.

Baginda yang merupakan kebanggaan rakyat Negeri Perlis telah diputerakan pada 30 Disember 1967 dan menghabiskan usia kanak-kanak dan persekolahan peringkat rendah di Negeri Perlis Indera Kayangan.

Melbourne, Australia merupakan destinasi pengajian tinggi yang dipilih oleh DYTM Tuanku Canselor. Baginda telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada *La Trobe University* pada tahun 1989. Hubungan dengan *LaTrobe University* tidak habis di situ sahaja. Jaringan kerja sama Baginda dengan *La Trobe* dimanfaatkan pula untuk menghubungkan UniMAP dengan universiti terkemuka di Australia tersebut.

Ternyata Baginda sangat menghargai hubungan dan rangkaian kerja sama dalam kehidupan Baginda. Komitmen terhadap *La Trobe* umpamanya terserlah dengan perlantikan Baginda sebagai penaung Persatuan Alumni *La Trobe University* Malaysia (PALTUM). Pada tahun 2002, sumbangan berterusan Baginda dalam Kelab Alumni *La Trobe* di Malaysia telah membawa kepada penganugerahan *University Distinguished Alumni Award for 2002*.

Pada tahun 2002, Baginda telah dianugerahkan *La Trobe Medal* iaitu penghormatan tertinggi yang diwujudkan oleh Universiti berkenaan. *La Trobe Medal* ini dianugerahkan kepada Baginda berdasarkan minat mendalam dalam isu pendidikan di Malaysia, meningkatkan peluang pengajian tinggi di seluruh dunia untuk rakyat Malaysia. Baginda juga ternyata amat menyumbang dalam aspek peningkatan tahap pendidikan untuk rakyat Perlis (*Bulletin La Trobe University, 2002*).

Tanggal 1 November 2010 merupakan satu lagi detik bersejarah dengan penganugerahan *Honorary Doctorate* daripada *La Trobe University*. Penganugerahan tersebut merupakan pengiktirafan di atas kegigihan Baginda dalam meluaskan peluang pendidikan kepada rakyat Malaysia amnya dan rakyat Negeri Perlis, khususnya (*La Trobe News, November 2010*).

Rangkaian kerja sama serta kecenderungan Baginda dalam bidang pemasaran ternyata merupakan aset yang dihimpun melalui 12 tahun pengalaman bertugas dengan *Malaysia Airlines Systems* (MAS). Bermula dengan seorang eksekutif di Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) pada tahun 1990, Baginda seterusnya menjawat pelbagai jawatan penting di dalam syarikat penerbangan berkenaan. Baginda juga telah menjalankan tugasnya sebagai Pengurus Kawasan di beberapa negara besar di Eropah. Pengalaman sangat berharga ini kini dicurahkan untuk membangunkan Negeri Perlis Indera Kayangan dalam pelbagai aspek. Bidang pengajian tinggi terutama Universiti Malaysia Perlis telah menikmati manfaat melalui pelbagai inisiatif di luar kotak yang dicetuskan oleh Baginda.

DYTM Tuanku Canselor seorang yang *versatile* dalam pelbagai bidang pentadbiran dan pengurusan Universiti. Baginda telah menghubungkan UniMAP dengan universiti terkemuka dalam bidang penyelidikan. Terkini, Baginda telah memulakan inisiatif rangkaian kerjasama di antara *Oxford University* dengan Kerajaan Negeri Perlis dan Universiti Malaysia Perlis. Baginda telah membuka ruang dan peluang kepada UniMAP untuk meneroka perluasan rangkaian kerja sama dengan pelbagai institusi berasaskan teknologi dan kejuruteraan.

UniMAP telah memanfaatkan peluang ini untuk memantapkan aspek kolaborasi penyelidikan dalam bidang tujuhan iaitu kejuruteraan. Malahan, Baginda Tuanku Canselor juga terlibat secara aktif dalam pelbagai inisiatif pengantarabangsaan di UniMAP. Baginda telah menyertai dan mempromosi UniMAP kepada masyarakat antarabangsa melalui pelbagai program lawatan rasmi ke luar negara. Baginda sendiri menggunakan pelbagai kemahiran strategi pemasaran dan promosi untuk meluaskan jenama UniMAP ke peringkat antarabangsa.

18 Baginda juga memahami kepentingan mempromosikan UniMAP sebagai universiti pilihan melalui pelbagai platform. Promosi UniMAP di Negeri Melaka umpamanya dilaksanakan pada skala besar pada Januari 2012. UniMAP sangat bertuah kerana DYTM Tuanku Canselor sendiri mencemar duli untuk turun padang bagi mempromosi kecemerlangan universiti ini kepada rakyat Negeri Melaka.

Usaha dan komitmen Baginda untuk memertabatkan UniMAP tidak hanya terhad dalam bidang akademik dan penyelidikan. Baginda berhasrat agar UniMAP dimertabatkan sebagai Universiti yang *versatile* dan turut menyumbang secara aktif dalam bidang kebudayaan.

Misi kebudayaan yang telah berjaya dicetuskan oleh beliau di UniMAP meliputi *Cultural Awareness Expedition to Malaysia* daripada para pelajar Switzerland dan banyak lagi.

Ini ternyata memberi sumbangan yang tidak terperi kepada UniMAP memandangkan keterlibatan melalui aktiviti kebudayaan merupakan salah satu aspek pengumpulan data yang diutamakan oleh QS *University Rankings*. Keupayaan memenuhi keperluan ini penting selaras dengan matlamat menjadi 500 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2015.

Baginda mencemar duli berangkat ke pelbagai majlis dan acara Universiti. Kepada warga UniMAP, ini merupakan lambang komitmen dan sokongan padu Baginda terhadap pembangunan dan kecemerlangan universiti ini. Baginda sentiasa kelihatan ada pada hampir setiap majlis universiti. Apa yang lebih penting Baginda sentiasa bersedia mencemar duli untuk bertemu dan melayani kehadiran tetamu UniMAP.

Sebagai Raja Muda Perlis, pembangunan dan kesejahteraan Negeri Perlis Indera Kayangan sentiasa diberi keutamaan. Baginda sentiasa mengiktiraf bahawa kehadiran UniMAP di negeri bertuah ini telah berjaya merubah lanskap pembangunan Perlis. Kehadiran UniMAP ternyata telah memberi impak kepada perkembangan sosio-ekonomi negeri ini.

Berlandaskan pencapaian berkeajaan, UniMAP turut bergerak secara aktif untuk menggerakkan agenda Perlis Maju menjelang tahun 2015. Naib Canselor UniMAP telah dilantik Pengerusi Sekretariat Perlis Maju 2015 untuk memastikan pelbagai idea dan sumbangan berkesan dijana untuk manfaat bersama.

Kecintaan Baginda terhadap penguasaan ilmu dan peningkatan tahap pendidikan rakyat terserlah kepada umum. Melalui Perpustakaan Negara Malaysia negeri Perlis, Baginda telah mencetuskan pelbagai ide yang direalisasikan secara berkesan seperti Toy Library, pameran kebudayaan dan sebagainya.

Terkini, Baginda menerapkan elemen pengantarabangsaan di dalam program Perpustakaan UniMAP dan Perpustakaan Negara Malaysia negeri Perlis. Pameran fotografi dan lukisan antarabangsa dianjurkan oleh kedua buah perpustakaan ini. Strategi ini ternyata telah menarik minat pelbagai pihak untuk mengunjungi perpustakaan selain mencapai matlamat meningkatkan keterlihatan Perlis kepada pihak antarabangsa.

Sifat kepimpinan Baginda yang mengutamakan semangat kerja berpasukan telah merakamkan pelbagai kejayaan UniMAP dalam bidang akademik, penyelidikan, sukan dan kebudayaan. Keterlibatan Baginda secara aktif dalam agenda UniMAP telah menarik penyertaan universiti ini dalam pelbagai program sukan dan riadah.

Baginda sendiri meminati sukan bola sepak, sama ada sebagai pemain, penonton ataupun penyokong (Laman Web Raja Perlis, 2012). Malahan, Baginda telah dilantik sebagai Penaung Kelab Penyokong Pasukan Liga Inggeris, *Manchester United* di Malaysia.

Baginda juga dilihat mengamalkan strategi lautan biru yang lebih gemar meneroka sesuatu yang baru. Pemikiran untuk mempelopori bidang baru telah membawa kepada penganjuran Sukan Woodball di negeri ini. UniMAP kini dikenali sebagai penganjur Sukan Woodball Peringkat Asia dan menyimpan impian untuk menganjurkan *World Universities Woodball Championship* menjelang Jun 2013. Senario ini turut menjadi elemen penjenamaan dan promosi kepada UniMAP terutama kepada para bakal pelajar yang bergiat aktif di dalam sukan.

Budaya korporat yang ingin disemai dalam kalangan warga UniMAP kini sangat menyerlah selepas sedekad DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra menjadi Canselor UniMAP. Penglibatan Baginda dalam memahami serta menyediakan input berkaitan hala tuju UniMAP amat dihargai oleh warga Universiti.

Pada bulan November 2011, Baginda dan DYTMM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah mencemar duli menyertai pengembaraan laut biru *Star Cruise* daripada Pulau Pinang. Dalam tempoh pelayaran,

Baginda telah mencemar duli untuk ikut serta dalam semua aktiviti perbincangan, pembentangan hala tuju serta pencapaian Universiti yang disertai oleh para Dekan dan Ketua Jabatan UniMAP. Sesungguhnya, ketokohan, komitmen dan sumbangan Baginda dalam memertabatkan UniMAP tidak mampu terbalas. Atas segala sumbangan dan jasa bakti Baginda, UniMAP merakamkan nama Baginda pada bangunan Perpustakaan yang melambangkan mercu tanda keilmuan.

Pemasyhuran Perpustakaan Utama melalui nama Baginda juga diharapkan berupaya menjana peranan berkesan dalam aspek perkhidmatan maklumat ilmiah di Negeri Perlis, Malaysia dan ke arena antarabangsa. UniMAP juga mendukung keyakinan bahawa strategi pemasaran dan pemikiran luar kotak yang dipamerkan oleh Baginda berupaya membawa kemajuan kepada aktiviti kecintaan dan penerokaan ilmu dalam kalangan komuniti UniMAP dan masyarakat Perlis.

Akhir kata, warga UniMAP sentiasa berdoa agar DYTm Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Jamalullail sentiasa dilimpahi dengan rahmat oleh Allah (S.W.T). Semoga kesejahteraan terus melimpahi kehidupan Baginda bersama DYTm Raja Puan Muda, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah yang juga merupakan Pro-Canselor UniMAP.

Semoga kehidupan Baginda sentiasa diulit kebahagiaan bersama dua orang puteri, Yang Amat Mulia Tuanku Sharifah Khatreena Nuraniah, Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana dan seorang putera, Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra.

Semoga UniMAP akan terus mendapat sokongan padu daripada DYTm Tuanku Syed Faizuddin Putra sebagai Canselor UniMAP dan DYTm Raja Muda Perlis.

Dirgahayu Tuanku!



PENGHARGAAN

PENAUNG

- **Y.BHG. BRIG. JEN. DATO'PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis

PENASIHAT

- **Y.BHG. PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa
Universiti Malaysia Perlis
- **PROFESOR DR. ISMAIL DAUT**
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaysia Perlis
- **Y.BRS. EN. ZUBER HAJI MOHAMED**
Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis
- **Y.BRS. PUAN SAODAH HASSAN**
Bendahari
Universiti Malaysia Perlis
- **Y.BRS. PUAN MAZMIN MAT AKHIR**
Pustakawan Kanan
Menanggung Tugas Ketua Pustakawan
Universiti Malaysia Perlis





JAWATANKUASA PELAKSANA

- **GIMIK PELANCARAN**

Encik Bimazlim Bidin
Cik Hasdarinar Abdul Jalal
Encik Dzulhailie M. Bakri
Encik Mohd Fadli A. Rahim
Encik Azhar Ahmad
Cik Shazlinda Nadiyah Suib

- **PAMERAN GALERI**

Encik Md Nizam Azid
Cik Hasma Hussain
Encik Akmal Hafizal Abd Hadi
Puan Nurfadzlina Mohd Yusof
Encik Royifazulmaldy Zakaria
Encik Syed Mohd Helmi Syed Azmi

- **PAMERAN NOBEL LAUREATES**

Puan Norakmal Abd Karim
Puan Suhana Md. Taha
Cik Azni Yantee Abdul Raoh
Cik Shahirah Shafie
Cik Norzila Ismail
Puan Nurlina Idrus

- **PENERBITAN BUKU PROGRAM**

Puan Mazmin Mat Akhir
Puan Zamimi Abd Manaf
Cik Nurhasfalindabaizura Beseri
Cik Siti Nurjannah Ab Hamid
Encik Ahmad Farid Md Isa
Encik Syed Mohd Helmi Syed Azmi
Cik Shahirah Shafie

● **JAWATANKUASA JEMPUTAN**

Encik Mustaffa Ismail
Puan Suhana Md Taha
Puan Rohaya Abdul Rahman
Puan Siti Maimunah Ishak
Puan Noorul Afza Hidayah Noor Mahadzir

● **JAWATANKUASA SAMBUTAN**

Prof Madya Kol (B) Azudin Bahari
Puan Maziah Md Isa
Puan Suhaidah Mat Rus@ Darus
Encik Royifazulmaldy Zakaria
Puan Noorul Afza Hidayah Noor Mahadzir
Puan Rohaya Abdul Rahman
Puan Noremie Hashim
Cik Shariffah Norlaila Syed Alwi
Encik Mohd Rizal Md. Isa
Encik Akmal Hafizal Abd Hadi
Puan Nasibah Mohd Nizan

● **JAWATANKUASA CENDERAMATA**

Unit Komunikasi Korporat
Cik Nurhasfalindabaizura Beseri
Puan Azziah Nawawi
Puan Nurfadzlina Mohd Yusoff
Puan Mariyati Mat Isa
Encik Ku Ishar Ku Ariffin
Cik Fatimah Shaari
Puan Shahirah Shafie

● **JAWATANKUASA PERSEMBAHAN**

Puan Husna Afifi Mohd Yusoff
Unit Kebudayaan & Rekreasi
Cik Azni Yantee Abdul Raoh
Encik Dzulhailie M Bakri
Puan Norshafira Yahya
Encik Azhar Ahmad

● **JAWATANKUASA PENGACARAAN**

Encik Raja Shah Erman Raja Ariffin
Puan Nazirah Zainul Abidin

● **LOGISTIK DAN MULTIMEDIA**

Prof.Madya Mazelan Abdul Hamid
Pusat Kejuruteraan
Jabatan Pembangunan
Encik Jam Isnain Lam Fadzil
Encik Saifol Nizal Sharif
Encik Mohd Anuar Jalani
Encik Shahrul Annuar Alawi
Puan Nazirah Zainul Abidin
Encik Ahmad Syahir Omar
Encik Mohd Fazlullah Mohd Zain
Puan Azziah Nawawi
Cik Shazlina Nadiah Suid
Cik Nurhasfalindabaizura Beseri
Puan Siti Maimunah Ishak
Cik Siti Nurjannah Ab Hamid

● **JAMUAN**

Cik Hasdarinar Abdul Jalal
Puan Nurlina Idrus
Puan Norshuhada Mohamad Jamal
Encik Surizan Shamat
Encik Mohd Rizal Md Isa

● **LAWATAN TERPANDU**

Encik Md Nizam Azid (Ketua)
Staf Unit Perkhidmatan Akses

● **MEDIA**

Unit Media
Puan Nurul Shafinaz Ismail

DIREKTORI PERSIDANGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI & NEGARA (PERPUN)

- **PERPUSTAKAAN UTAMA UNIVERSITI MALAYA (UM)**
LEMBAH PANTAI
50603, KUALA LUMPUR
FACEBOOK : *The University of Malaya Library*
EMEL : *query_perpustakaan@um.edu.my*
WEB : *http://www.umlib.edu.my*
TEL : 03-79567800
FAKS : 03-79573661

- **PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (UITM)**
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
JLN ILMU
40450, SHAH ALAM
SELANGOR
WEB : *http://library.uitm.edu.my*
TWITTER : *@puitm*
TEL : 03-55443718/3716/3763
FAKS : 03-55443730

- **PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT (USM)**
11800 MINDEN
PULAU PINANG
WEB : *http://www.lib.usm.my*
FACEBOOK : *Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia*
TEL : 04-6533700
FAKS : 04-6571526

- **PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG (UKM)**
43600, BANGI
SELANGOR
WEB : *http://www.ukm.my/library*
FACEBOOK : *Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia*
EMEL : *kpustaka@ukm.my.webppts@ukm.my*
TEL : 03-89213446
FAKS : 03-89256067

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (IIUM)**
JLN GOMBAK
53100 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
WEB : *http://lib.iium.edu.my*
FACEBOOK : *The Official IIUM Library*
TEL : 03-61964000
FAKS : 03-61964053

- **PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYIAH (UUM)**
06010 SINTOK
KEDAH
WEB : *http://cmslib.uum.edu.my*
FACEBOOK : *Perpustakaan Sultanah Bahiyah*
EMEL : *uumlib@uum.edu.my*
TEL : 04- 9283318
FAKS : 04- 9285766

- **PERPUSTAKAAN PERUBATAN FAKULTI PERUBATAN dan SAINS KESIHATAN (UNIMAS)**
LOT 77, JLN TUN AHMAD ZAIDI ADRUCE
KUCHING, SARAWAK
WEB : *http://www.cais.unimas.my*
FACEBOOK : *Centre for Academic Information Services*
TEL : 082-292128
FAKS : 082-672320

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**
BEG BERKUNCI 101, PARIT RAJA
86400 BATU PAHAT, JOHOR
WEB : *http://lms.uthm.edu.my*
FACEBOOK : *UTHM Library*
TEL : 07-4533319
FAKS : 07-4533199

DIREKTORI PERSIDANGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI & NEGARA (PERPUN)

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH (UMS)**
BEG BERKUNCI
NO. 2073, 88999 KOTA KINABALU, SABAH
WEB : <http://www.ums.edu.my/library>
FACEBOOK : *Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah*
EMEL : libraryinfo@ums.edu.my
TEL : 088-320000 ext-2108
FAKS : 088-320232

- **PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)**
232 JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR
WEB : <http://www.pnm.gov.my>
FACEBOOK : *Perpustakaan-Negara-Malaysia*
TEL : 03-26871706
FAKS : 03-26942490

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG (UMP)**
KARUNG BERKUNCI 12
25000 KUANTAN
PAHANG
WEB : <http://umplibrary.ump.edu.my>
FACEBOOK : *Universiti Malaysia Pahang*
TEL : 09-4245600
FAKS : 09-4245666

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PUTRA
MALAYSIA (UPM)**
43000 SERDANG
SELANGOR
EMEL : lib@lib.upm.edu.my
FACEBOOK : *UniPutraMalaysia*
TEL : 03-89468642
FAKS : 03-89483745

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PERTAHANAN
NASIONAL MALAYSIA (UPNM)**
TINGKAT 5, BANGUNAN LESTARI
KEM SUNGAI BESI, 57000 KUALA LUMPUR
WEB : <http://lin.upnm.edu.my/>
FACEBOOK : www.facebook.com/UPNM
TEL : 03-90513400/7622000
FAKS : 03-90513429

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN (UMK)**
KARUNG BERKUNCI 36
16100 PENGKALAN CHEPA
KELANTAN DARUL NAIM
WEB : <http://library.umk.edu.my/>
FACEBOOK : [www.facebook.com/
universitimalaysiakelantan](http://www.facebook.com/universitimalaysiakelantan)
TEL : 09-7717181
FAKS : 09-7717182

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI KUALA LUMPUR
(UNIKL)**
LEVEL 14, 1016 JLN SULTAN ISMAIL
KUALA LUMPUR
WEB : <http://library.unikl.edu.my>
FACEBOOK : *UniKL Library*
TEL : 03-21754284
FAKS : 03-21754443

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL
ABIDIN (UniSA)**
KAMPUS KUSZA
GONG BADAQ, 21300 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU
WEB : <http://www.unisza.edu.my/perpustakaan>
FACEBOOK : *Perpustakaan Universiti Sultan Zainal
Abidin*
TEL : 09- 6687635
FAKS : 09-6687854

DIREKTORI PERSIDANGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI & NEGARA (PERPUN)

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS (UPSI)**
36000 TANJUNG MALIM, PERAK
WEB : <http://pustaka.upsi.edu.my>
FACEBOOK : *Kelab Rakan Pustaka Tuanku Bainun
Upsi*
TEL : 05-4506779
FAKS : 05-4581599

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**
21030 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU
EMAIL : psnz@umt.edu.my
FACEBOOK : *Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah*
TEL : 09-6684185
FAKS : 09-6684192

- **PERPUSTAKAAN DIGITAL TAN SRI DR.
ABDULLAH SANUSI (OUM)**
OPEN UNIVERSITY MALAYSIA
JALAN TUN ISMAIL
50480 KUALA LUMPUR
WEB : <http://www.oum.edu.my/>
FACEBOOK : *TSDAS Digital Library, Open University
Malaysia*
TEL : 03-27732135
FAKS : 03-26978851

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA (UTeM)**
HANG TUAH JAYA
76100 DURIAN TUNGGAL
MELAKA
WEB : <http://library.utem.edu.my>
FACEBOOK : *Perpustakaan Universiti Teknikal
Malaysia Melaka*
TEL : 06-3316830/6831
FAKS : 06-3316811

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MULTIMEDIA
MALAYSIA (MMU)**
JLN AYER KEROH LAMA
75450 MELAKA
WEB : <http://vlib.mmu.edu.my>
FACEBOOK : *Siti Hasmah Digital Library*
TEL : 06-2523493 / 03- 83125852
FAKS : 06-2322764

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI
PETRONAS (UTP)**
BANDAR SERI ISKANDAR
31750 TRONOH
PERAK
WEB : www.utp.edu.my
FACEBOOK : *UTP Information Resource Centre*
TEL : 05- 3688486

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS ISLAM
MALAYSIA (USIM)**
BANDAR BARU NILAI, 71800 NILAI
NEGERI SEMBILAN
WEB : <http://lib.usim.edu.my>
FACEBOOK : *www.facebook.com/Usim Lib*
TEL : 06-7986255/6249
FAKS : 06-7993508

- **PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TENAGA
NASIONAL MALAYSIA (UNITEN)**
KM 7, JLN KAJANG-PUCHONG
43009 KAJANG
SELANGOR
WEB : <http://library.uniten.edu.my>
FACEBOOK : *UNITEN Library*
TEL : 03-8921-2020 ext 1234
FAKS : 03-8926-1772

NOTA:





**Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

Kampus Pauh Putra
02600 Arau, Perlis

Tel: **+604-9885420**

Fax: **+604-9885405**

emel: rujukan@unimap.edu.my

<http://mylibrary.unimap.edu.my>